

Tiana menghantar emel kepada kawannya Sally. Baca emel tersebut dengan teliti.

Hai Sally,

Saya mahu mengajak kamu pergi **membeli-belah** di Pavillion pada hari Ahad ini. Saya mahu membeli baju sejuk dan kasut sukan untuk **menyertai lawatan** sekolah ke Switzerland pada bulan hadapan.

Jika kamu ada **masa lapang** pada **hujung minggu** ini, bolehkah kamu **menemani** saya ? Jika kamu **bersetuju** saya akan belanja kamu makan malam dan **menonton** wayang di Pavillion. Saya akan **menjemput** kamu di rumah pada pukul 5:00 petang hari Ahad.

Tiana

Tanda kotak yang betul.

1 Lawatan sekolah Tiana ke...

- ☐ A Pavillion
- ☐ B Switzerland
- ☐ C luar negara

2 Tiana mahu membeli...

- ☐ A baju hujan
- ☐ B baju tidur
- ☐ C baju sejuk

3 Mereka akan pergi membeli-belah pada

- ☐ A hari Isnin
- ☐ B hujung minggu
- ☐ C hari Rabu

4 Mereka akan pergi membeli-belah pada...

- ☐ A hari Jumaat 5:00 petang
- ☐ B hari Ahad 5:00 pagi
- ☐ C hari Ahad 5:00 petang

5 Tiana juga **ingin** membeli...

- ☐ A kasut kulit
- ☐ B kasut sukan
- ☐ C kasut baru

[5 markah]